



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Ekonomi (944)**



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 12 155 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 47.63%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.95	4.86	7.73	7.43	6.41	7.39	7.87	8.52	8.83	8.92	26.10

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	B
2	D	12	A
3	D	13	A
4	D	14	C
5	B	15	A
6	D	16	A
7	B	17	B
8	C	18	C
9	D	19	C
10	B	20	C

### BAHAGIAN B DAN C: *Esei Dan Kuantitatif*

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah memuaskan. Sebahagian besar calon tidak dapat memberikan jawapan dengan baik bagi soalan 21, 24, 25, dan 26. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Calon memberikan jawapan yang tiada kaitan dengan kehendak soalan seperti soalan 24. Sebahagian besar calon tidak menguasai konsep dan teori asas ekonomi.

## ***Komen soalan demi soalan***

### **BAHAGIAN B: Esei**

#### **Soalan 21**

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan **lima** ciri sistem ekonomi campuran.

Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (i) **Pemilikan sumber ekonomi**  
Pengeluar dan individu bebas untuk memiliki sumber ekonomi. Kerajaan akan memiliki sebahagian sumber ekonomi dan mengawal sumber ekonomi tertentu untuk mengeluarkan barang awam.
- (ii) **Peruntukan sumber ekonomi**  
Peruntukan sumber ekonomi ditentukan oleh mekanisme harga, iaitu interaksi antara pengguna dengan penjual di pasaran. Kerajaan akan campur tangan dalam kes tertentu yang melibatkan kebajikan masyarakat.
- (iii) **Sistem insentif atau matlamat pengeluaran**  
Pihak swasta mengeluarkan barang untuk memaksimumkan keuntungan. Kerajaan pula mengeluarkan barang awam untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.
- (iv) **Keputusan tentang agihan pendapatan atau campur tangan kerajaan dalam membuat keputusan ekonomi.**  
Individu bebas bersaing dalam pengeluaran atau bebas mengumpul kekayaan. Kerajaan membuat keputusan ekonomi untuk memastikan agihan pendapatan lebih setara atau mengenakan cukai kepada golongan kaya dan memberikan subsidi kepada golongan miskin.
- (v) **Penentuan harga**  
Harga barangan ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran atau mekanisme harga. Dalam keadaan tertentu wujud kawalan harga oleh kerajaan atau harga barang awam ditentukan oleh kerajaan.

Kebanyakan calon dapat menghuraikan fakta matlamat pengeluaran dengan baik. Hanya sebilangan kecil calon boleh menyenaraikan ciri sistem ekonomi campuran dengan betul tanpa huraian.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menyatakan **lima** ciri utama sebaliknya calon menerangkan jawapan dari segi kebaikan ekonomi campuran, seperti agihan pendapatan lebih setara, tiada externaliti negatif, harga lebih stabil, dan kebajikan masyarakat lebih terjamin.
- Calon memberikan ciri-ciri struktur pasaran, seperti kuasa menentukan harga, kebebasan keluar masuk pasaran, dan jenis keluaran.
- Calon menghuraikan masalah asas ekonomi, iaitu apa dan berapa barang yang dikeluarkan, bagaimana barang dikeluarkan, dan untuk siapa barang hendak dikeluarkan dan fakta-fakta lain, seperti faktor mempengaruhi permintaan.
- Calon menerangkan sebelah pihak sahaja sama ada pihak swasta atau pihak kerajaan.
- Calon tidak memberikan fakta dengan betul. Contohnya bagi fakta pemilikan sumber ekonomi, calon hanya menulis fakta tersebut sebagai pemilikan.

## Soalan 22

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **dua** faktor yang menyebabkan keluk permintaan beralih ke kiri.


Calon sepatutnya memberikan mana-mana dua jawapan seperti yang berikut:

- (i) Pendapatan berkurang
- (ii) Harga barang pengganti menurun
- (iii) Harga barang penggenap meningkat
- (iv) Jangkaan harga turun pada masa hadapan

Kebanyakan calon dapat menyatakan **dua** faktor dengan tepat. Namun terdapat calon yang menyatakan faktor secara umum sahaja, seperti harga barang pengganti, harga barang penggenap, perubahan cita rasa, perubahan musim, dan pendapatan pengguna. Selain itu, terdapat juga calon menjawab peningkatan harga barang itu sendiri. Jawapan begini tidak tepat.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan kesan perubahan harga kereta ke atas permintaan petrol jika kereta dan petrol ialah barang penggenap dengan menggunakan gambar rajah. Calon perlu melakarkan keluk permintaan petrol, iaitu keluk permintaan asal, peralihan keluk permintaan ke kanan, dan peralihan keluk permintaan ke kiri.

Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Apabila harga kereta naik dari  $P_0$  ke  $P_2$  kuantiti kereta berkurang dari  $Q_0$  ke  $Q_2$ . Pada harga petrol  $P_1$ , kuantiti petrol berkurang dari  $Q_0$  ke  $Q_1$ . Keluk permintaan petrol berubah ke kiri dari  $D_0D_0$  ke  $D_2D_2$ . Apabila harga kereta turun dari  $P_0$  ke  $P_1$ , kuantiti kereta bertambah dari  $Q_0$  ke  $Q_1$ . Pada harga petrol  $P_1$ , kuantiti petrol bertambah dari  $Q_1$  ke  $Q_2$ . Keluk permintaan petrol bergerak ke kanan dari  $D_0D_0$  ke  $D_2D_2$ .

Calon dapat melakar keluk permintaan dengan baik. Calon juga dapat menyatakan kesan perubahan harga kereta ke atas permintaan petrol dan kesan ke atas peralihan keluk permintaan petrol. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon melakar keluk keseimbangan. Jawapan ini tidak memenuhi kehendak soalan.
- Calon melabelkan paksi menegak sebagai harga kereta dan paksi melintang sebagai kuantiti petrol.
- Calon melukis keluk permintaan yang beralih ke kiri sahaja atau ke kanan sahaja.

- Calon menghuraikan perubahan permintaan petrol dahulu dan diikuti kesannya terhadap harga kereta.
- Calon gagal memahami konsep barang penganap dalam menjelaskan jawapan. Sebahagian calon menyatakan peningkatan harga kereta menyebabkan penurunan 'permintaan' kereta dan penurunan harga kereta menyebabkan peningkatan 'permintaan' kereta.

### Soalan 23

Soalan (a) menghendaki calon mentakrifkan keanjalan permintaan pendapatan. Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Keanjalan permintaan pendapatan mengukur darjah tindak balas perubahan kuantiti diminta suatu barang akibat perubahan pendapatan pengguna. Atau, keanjalan permintaan pendapatan mengukur peratus perubahan kuantiti diminta suatu barang akibat daripada perubahan pendapatan pengguna.

Sebahagian kecil calon sahaja dapat memberikan jawapan yang tepat dan betul. Ramai calon yang tidak dapat mentakrif keanjalan permintaan pendapatan dengan baik. Sebahagian calon menggunakan perkataan "dengan" atau "terhadap". Sepatutnya calon menggunakan perkataan "akibat" atau "kesan". Terdapat juga calon yang mengabaikan perkataan ukuran atau mengukur menyebabkan calon kehilangan markah.


Soalan (b) menghendaki calon menerangkan bagaimana keanjalan permintaan pendapatan mengelaskan **empat** jenis barang. Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- $E_y = \text{sifar}$ : peratus perubahan kuantiti diminta adalah sifar apabila berlaku perubahan pendapatan, iaitu perubahan pendapatan menyebabkan kuantiti diminta tidak berubah. Ini menunjukkan jenis barang tersebut ialah barang mesti.
- $0 < E_y < 1$ : peratus perubahan kuantiti diminta positif tetapi kurang dari satu apabila berlaku perubahan pendapatan. Ini menunjukkan jenis barang tersebut ialah barang normal.
- $E_y > 1$ : peratus perubahan kuantiti diminta melebihi peratus perubahan pendapatan. Ini menunjukkan barang tersebut ialah barang mewah.
- $E_y < 0$ : peratus perubahan kuantiti diminta negatif apabila berlaku peningkatan pendapatan. Ini menunjukkan barang bawahan, iaitu peningkatan pendapatan pengguna menyebabkan kuantiti diminta ke atas barang bawahan menurun.

Sebahagian kecil calon dapat menyatakan nilai keanjalan permintaan pendapatan serta jenis barang dengan baik. Ramai calon dapat menyatakan jenis barang dengan tepat, tetapi gagal menyatakan nilai keanjalan permintaan pendapatan dengan betul. Sebahagian calon salah menyatakan jenis barang. Contoh kesalahan jenis barang yang dinyatakan oleh calon ialah barang pengganti dan barang modal.

### Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menerangkan bagaimana keluk kos purata jangka panjang dibentuk dengan menggunakan gambar rajah. Calon sepatutnya melukis keluk kos purata jangka pendek dan keluk kos purata jangka panjang dalam satu gambar rajah seperti yang berikut:



Keluk kos purata jangka panjang terdiri daripada bahagian keluk-keluk kos purata jangka pendek yang dapat meminimumkan kosnya pada pelbagai tingkat keluaran. Dalam jangka panjang semua input adalah input berubah. Pembentukan keluk kos purata jangka panjang berkaitan dengan pemilihan saiz loji yang mempunyai kos pengeluaran minimum pada pelbagai tingkat keluaran. Saiz loji diwakili oleh keluk-keluk kos purata jangka pendek. Andaikan terdapat tiga saiz loji. Pada tingkat keluaran  $Q_0$ , firma akan memilih saiz loji  $SAC_1$  pada titik A kerana keluaran dapat dihasilkan pada kos purata paling rendah. Pada tingkat keluaran  $Q_1$ , firma akan memilih saiz loji  $SAC_2$  pada titik B kerana keluaran dapat dihasilkan pada kos purata minimum. Pada tingkat keluaran  $Q_2$ , firma akan memilih saiz loji  $SAC_3$  pada titik C kerana keluaran dapat dihasilkan pada kos purata jangka pendek yang minimum. Sambungan titik-titik kos purata jangka pendek yang terendah bagi setiap unit keluaran akan membentuk keluk kos jangka panjang firma.

Hanya sebilangan kecil calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.


Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak dapat melukis keluk dengan baik.
- Sebahagian besar calon melukis keluk berkaitan dengan ekonomi bidangan luaran dengan peralihan keluk  $LAC$  ke bawah dan ke atas serta menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan ekonomi bidangan dalaman dan luaran.
- Calon menjawab soalan ini dengan melukis keluk  $SAC$  dan  $LAC$  tetapi tidak menyentuh kos purata rendah dan minimum pada kuantiti keluaran yang berkaitan.
- Calon boleh melukis gambar rajah dengan tepat tetapi tidak menunjukkan kuantiti keluaran.
- Calon berjaya melukis gambar rajah  $SAC$  dan  $LAC$  dengan betul tetapi huraian rajah tidak tepat.
- Calon melukis gambar rajah yang menunjukkan keseimbangan pasaran persaingan bermonopoli semasa menjawab soalan ini.
- Calon melukis keluk  $LAC$  sahaja tanpa keluk  $SAC$ . Ini tidak menunjukkan proses bagaimana keluk kos purata jangka panjang dibentuk.

### Soalan 25


Soalan ini menghendaki calon menerangkan bagaimana firma pasaran persaingan bermonopoli yang memperoleh untung lebih normal dalam jangka pendek namun memperoleh untung normal dalam jangka panjang dengan menggunakan gambar rajah. Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Keseimbangan firma pasaran persaingan bermonopoli dalam jangka pendek untung lebih normal.



Keseimbangan jangka pendek tercapai di  $E_1$  apabila  $MC = MR$  di  $P_1$  dan  $Q_1$ . Hasil yang diterima oleh firma ialah sebanyak  $OP_1BQ_1$ . Kos yang ditanggung firma pula ialah sebanyak  $OP_2CQ_1$ . Maka, firma mendapat untung lebih normal kerana jumlah hasil lebih besar daripada jumlah kos. Ini menyebabkan firma lain masuk ke pasaran sehingga menyebabkan firma ini hanya dapat untung normal dalam jangka panjang.


Keseimbangan firma pasaran persaingan bermonopoli dalam jangka panjang.



Keseimbangan tercapai di  $E_1$  apabila  $MC = MR$  di  $P_1$  dan  $Q_1$ . Hasil yang diterima firma ialah sebanyak  $OP_1BQ_1$ . Kos yang ditanggung firma pula ialah sebanyak  $OP_1BQ_1$ . Maka, firma menerima untung normal kerana jumlah hasil bersamaan dengan jumlah kos.



Calon boleh juga melukis situasi untung lebih normal dan untung normal dalam satu gambar rajah dengan menunjukkan peralihan keluk  $AR$  dan  $MR$  ke kiri seperti gambar rajah di bawah:



Calon seharusnya menerangkan keseimbangan jangka pendek firma dalam situasi firma memperoleh untung lebih normal. Seterusnya, calon perlu menerangkan proses bagaimana firma memperoleh untung normal dalam jangka panjang seperti yang berikut:

Keseimbangan jangka pendek dicapai di  $E_0$  apabila  $MC = MR$ , pada harga  $P_0$  dan kuantiti  $Q_0$ . Pada  $Q_0$ , jumlah hasil ( $0P_0BQ_0$ ) melebihi jumlah kos ( $0P_1CQ_0$ ), iaitu firma mendapat untung lebih normal sebanyak  $P_1P_0BC$ . Ini menyebabkan firma baharu masuk ke pasaran. Keadaan ini menyebabkan permintaan terhadap keluaran firma ini berkurang. Keluk permintaan firma ini ( $AR$ ) beralih ke kiri dan firma ini mendapat untung normal dalam jangka panjang. Keseimbangan jangka panjang dicapai di  $E_1$  apabila  $MC = MR$ , pada harga  $P_2$  dan kuantiti  $Q_1$ . Dalam jangka panjang firma ini mendapat untung normal kerana jumlah hasil  $0P_2AQ_1$  sama dengan jumlah kos  $0P_2AQ_1$ .

Kebanyakan calon dapat melukis rajah keseimbangan pasaran persaingan bermonopoli yang menunjukkan untung lebih normal dan untung normal dan dapat menyatakan syarat keseimbangan  $MC = MR$ . Terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak melabel titik keseimbangan, harga, dan kuantiti keseimbangan semasa melukis gambar rajah.
- Calon melabelkan keseimbangan di  $P = MC$  atau  $AC = MC$ .
- Calon melukis peralihan keluk  $AC$ , iaitu  $SAC$  untuk untung lebih normal dan  $LAC$  untuk untung normal pada gambar rajah yang sama tanpa peralihan keluk  $AR$  dan  $MR$ .
- Calon melukis gambar rajah yang menunjukkan rugi.
- Calon melukis keluk  $MC$  yang tidak memotong  $AC$  pada titik minimum  $AC$ .
- Calon melukis keluk pasaran bermonopoli dan  $PPS$  dalam gambar rajah yang sama.
- Calon tidak melabelkan harga pada keluk  $AR$  sebaliknya meletakkan simbol harga pada persilangan  $MC$  dan  $MR$ .
- Calon tidak menyatakan fakta kemasukan firma ke dalam industri, sebaliknya hanya menyatakan 'kebebasan keluar masuk' dan akhirnya menyebabkan untung normal dalam jangka panjang.

### Soalan 26

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud kadar bunga. Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Kadar bunga ialah peratus pulangan kepada pemilik modal kerana menanggungkan penggunaan.

Sebilangan besar calon tidak dapat memberikan maksud kadar bunga dengan tepat. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon hanya menyatakan kadar bunga adalah pulangan kepada pemilik modal.
- Calon menyatakan kadar bunga dibayar oleh peminjam kepada pemberi pinjaman.
- Calon tidak mengaitkan kadar bunga dengan konsep modal.
- Calon menyatakan kadar bunga ialah upah kepada tenaga buruh.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan perbezaan antara kadar bunga nominal dengan kadar bunga benar dengan menggunakan contoh berangka. Calon sepatutnya memberikan maksud kadar bunga nominal dan kadar bunga benar seterusnya memberikan contoh berangka untuk membezakan kadar bunga tersebut seperti yang berikut:

Kadar bunga nominal ialah kadar bunga yang dikenakan ke atas sejumlah modal atau wang yang dipinjam, iaitu kadar bunga yang ditetapkan di pasaran. Kadar bunga benar pula ialah kadar bunga yang sebenar dibayar ke atas sejumlah modal atau wang yang dipinjam selepas mengambil kira perubahan tingkat harga umum atau kadar inflasi. Kadar bunga benar boleh juga dinyatakan sebagai perbezaan antara kadar bunga nominal dengan kadar inflasi.

Contoh: Encik Ali membuat pinjaman sejumlah RM10 000 dengan kadar bunga 5% setahun. Kadar inflasi ialah 2%.

Maka kadar bunga nominal ialah 5%

$$\begin{aligned}\text{Kadar bunga benar} &= \text{kadar bunga nominal} - \text{kadar inflasi} \\ &= 5\% - 2\% \\ &= 3\%\end{aligned}$$

Kesimpulannya, semasa inflasi kadar bunga benar lebih rendah daripada kadar bunga nominal.

Kebanyakan calon yang memilih untuk menjawab soalan ini tidak dapat memberikan jawapan dengan baik. Calon gagal menerangkan perbezaan antara kadar bunga nominal dengan kadar bunga benar. Calon juga tidak dapat memberikan contoh berangka untuk membezakan kadar bunga nominal dengan kadar bunga benar.

### Soalan 27

Soalan (a) menghendaki calon menghitung kos lepas bagi mengeluarkan seunit barang X pada setiap kombinasi berdasarkan jadual kombinasi pengeluaran barang X dan barang Y bagi sebuah negara.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Kombinasi A ke B	$\begin{aligned}&= \frac{(12 - 16)}{(2 - 0)} \\ &= 2 \text{ unit barang Y}\end{aligned}$
------------------	--

Kombinasi <i>B</i> ke <i>C</i>	$= \frac{(8 - 12)}{(4 - 2)}$ $= 2 \text{ unit barang } Y$
Kombinasi <i>C</i> ke <i>D</i>	$= \frac{(4 - 8)}{(6 - 4)}$ $= 2 \text{ unit barang } Y$
Kombinasi <i>D</i> ke <i>E</i>	$= \frac{(0 - 4)}{(8 - 6)}$ $= 2 \text{ unit barang } Y$

Kebanyakan calon dapat menghitung kos lepas barang *X* dengan tepat namun ramai yang mengabaikan unit barang *Y*. Ini menyebabkan calon kehilangan markah. Terdapat juga calon yang salah semasa membuat penghitungan dan memberikan jawapan 0.5. Jawapan ini tidak tepat.

Soalan (*b*) menghendaki calon menyatakan bentuk keluk kemungkinan pengeluaran bagi negara tersebut dan memberikan penjelasan terhadap jawapan tersebut. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Keluk kemungkinan pengeluaran berbentuk garis lurus kerana kos lepas ialah malar.

Hampir keseluruhan calon dapat memberikan jawapan dengan tepat, namun terdapat juga calon menulis bentuk keluk adalah malar. Jawapan ini tidak tepat.

Soalan (*c*) menghendaki calon menyatakan masalah yang wujud apabila negara ini mengeluarkan 2 unit barang *X* dan 10 unit barang *Y* serta memberikan penjelasan terhadap jawapan tersebut. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Wujud masalah pengangguran atau pembaziran dalam negara kerana sumber ekonomi tidak digunakan sepenuhnya.

Hampir keseluruhan calon dapat menyatakan masalah pengangguran atau pembaziran tetapi ramai yang tidak memberikan alasan.

Soalan (*d*) menghendaki calon menyatakan sama ada kombinasi 4 unit barang *X* dan 9 unit barang *Y* boleh dicapai atau tidak serta memberikan penjelasan terhadap jawapan tersebut. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Kombinasi tersebut tidak boleh dicapai kerana sumber ekonomi tidak mencukupi.

Hampir keseluruhan calon dapat menyatakan pengeluaran tidak boleh dicapai tetapi ramai calon yang memberikan alasan kerana 'kekurangan sumber ekonomi'. Jawapan ini tidak tepat.

### Soalan 28

Soalan (*a*) menghendaki calon menghitung nilai keanjalan permintaan harga barang *X* apabila harga barang *X* meningkat daripada RM4 ke RM6. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Keanjalan permintaan harga bagi barang } X = \frac{[(50 - 80)/80]}{[(6 - 4)/4]}$$

$$= -0.75$$

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun, sebilangan calon tidak dapat mengira dengan tepat kerana menggunakan formula yang salah. Terdapat juga calon yang mengabaikan tanda negatif dan meletakkan RM dan % pada jawapan. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan (b) menghendaki calon mentafsirkan nilai keanjalan permintaan harga bagi barang  $X$  serta menyatakan darjah keanjalan permintaan harga bagi barang  $X$ . Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Apabila harga barang  $X$  naik 1%, kuantiti diminta barang  $X$  akan berkurang sebanyak 0.75%. Darjah keanjalan permintaan harga barang  $X$  ialah tak anjal.

Kebanyakan calon tidak boleh menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah apabila harga berubah permintaan berubah 0.75. Jawapan ini tidak tepat.

Soalan (c)(i) menghendaki calon menghitung keanjalan permintaan silang barang  $M$  apabila harga barang  $X$  meningkat daripada RM4 ke RM6. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Keanjalan permintaan silang barang } M &= \frac{[(60 - 70)/70]}{[(6 - 4)/4]} \\ &= -0.29\end{aligned}$$

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, namun sebilangan calon tidak dapat mengira dengan tepat kerana menggunakan formula yang salah. Sebilangan calon mengira dengan betul tetapi dibundarkan lebih awal dan ada calon yang memberikan jawapan kepada 3 titik perpuluhan menyebabkan jawapan akhir tidak tepat. Sebilangan calon pula mengabaikan tanda negatif manakala sebilangan calon meletakkan unit RM atau % pada jawapan.

Soalan (c)(ii) menghendaki calon menjelaskan hubungan antara barang  $X$  dengan barang  $M$  berdasarkan jawapan calon di (c)(i). Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Hubungan antara barang  $X$  dengan barang  $M$  ialah barang penggenap kerana keanjalan silang negatif.

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan dengan tepat. Namun terdapat juga calon memberikan jawapan barang pengganti dan barang bawahan. Jawapan ini tidak tepat.

Soalan (d)(i) menghendaki calon menghitung keanjalan permintaan silang barang  $N$  apabila harga barang  $X$  meningkat daripada RM4 ke RM6. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Keanjalan permintaan silang barang } N &= \frac{[(80 - 50)/50]}{[(6 - 4)/4]} \\ &= 1.2\end{aligned}$$

Calon dapat menjawab soalan ini tepat, namun sebilangan calon tidak dapat mengira dengan tepat kerana menggunakan formula yang salah. Sebilangan calon pula meletakkan unit RM atau % pada jawapan.


Soalan (d)(ii) menghendaki calon menjelaskan hubungan antara barang  $X$  dengan barang  $M$  berdasarkan jawapan calon di (d)(i). Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Hubungan antara barang  $X$  dengan barang  $N$  ialah barang pengganti kerana keanjalan silang positif.

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan dengan tepat. Namun terdapat juga calon memberikan jawapan barang penggenap. Jawapan ini tidak tepat.

### Soalan 29

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan harga keluaran firma pasaran persaingan sempurna dan harga keluaran firma pasaran monopoli berdasarkan gambar rajah yang diberikan. Seterusnya memberikan penjelasan terhadap jawapan tersebut. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Harga keluaran firma pasaran persaingan sempurna ialah RM7.00.

Harga keluaran firma pasaran monopoli ialah RM10.00.

Harga keluaran di pasaran persaingan sempurna lebih rendah daripada harga keluaran di pasaran monopoli kerana mempunyai keluk permintaan yang berbeza dan titik keseimbangan di kedua-dua pasaran juga adalah berbeza.

Hampir keseluruhan calon dapat menyatakan harga keluaran firma pasaran persaingan sempurna tetapi ramai juga calon menyatakan harga pasaran monopoli ialah RM4, iaitu pada  $MR = MC$ . Kebanyakan calon gagal menjelaskan jawapan di mana harga keluaran berbeza antara firma pasaran persaingan sempurna dengan firma pasaran monopoli.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung keuntungan yang diperoleh oleh firma pasaran persaingan sempurna. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Untung firma PPS} &= TR - TC \\ &= (7 \times 70) - (7 \times 70) \\ &= \text{RM}0\end{aligned}$$

Sebilangan besar calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, namun ada yang cuai dengan tidak meletakkan unit RM pada jawapan. Terdapat juga calon yang tidak dapat menentukan nilai harga dengan nilai kos. Lantaran itu, calon tersebut gagal menghitung keuntungan dengan tepat.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menghitung keuntungan yang diperoleh oleh firma pasaran monopoli. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Untung firma monopoli} &= (10 \times 50) - (8 \times 50) \\ &= \text{RM}100\end{aligned}$$

Sebilangan besar calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, namun ada yang cuai dengan tidak meletakkan unit RM pada jawapan. Terdapat juga calon yang tidak dapat menentukan antara nilai harga dengan nilai kos. Lantaran itu, calon tersebut gagal menghitung keuntungan dengan tepat.

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan sama ada firma persaingan sempurna dan firma monopoli mencapai kecekapan pengeluaran serta perlu menjelaskan jawapan tersebut. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Firma persaingan sempurna mencapai kecekapan pengeluaran kerana mengeluarkan output pada kos purata minimum. Firma monopoli tidak mencapai kecekapan pengeluaran kerana mengeluarkan output pada kos purata sedang menurun.

Ramai calon dapat menyatakan pasaran yang mencapai kecekapan pengeluaran dan pasaran yang tidak mencapai kecekapan pengeluaran. Namun terdapat ramai calon yang tidak dapat memberikan alasan firma dapat mencapai kecekapan pengeluaran dan alasan firma tidak dapat mencapai kecekapan pengeluaran. Ramai calon yang memberikan alasan nilai untung pada jawapan di (b) sebagai penentuan kecekapan pengeluaran. Jawapan ini tidak tepat.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11 490 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 45.30%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.51	4.13	6.32	5.32	7.31	6.06	8.65	8.73	7.35	9.26	29.36

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	11	B
2	C	12	C
3	A	13	C
4	B	14	D
5	C	15	A
6	D	16	B
7	A	17	B
8	B	18	D
9	C	19	A
10	B	20	D

### BAHAGIAN B DAN C: *Esei Dan Kuantitatif*

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah sederhana baik. Kebanyakan calon dapat merangka dan merancang jawapan dengan baik. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan tepat dan betul. Jawapan calon boleh dikategorikan kepada empat kumpulan iaitu cemerlang, baik, sederhana, dan lemah. Calon yang cemerlang ialah calon yang mempunyai kefahaman yang tinggi tentang

konsep dan teori ekonomi. Mereka juga mempunyai kemahiran menganalisis dan mengaplikasi serta mampu memberikan jawapan yang baik bagi semua soalan. Mutu jawapan calon cemerlang ini amat memuaskan, bernas, dan sesuai dengan kehendak soalan. Bagi calon yang lemah pula, calon dapat menghuraikan jawapan secara tersusun terutamanya bagi jawapan yang memerlukan urutan fakta yang betul, iaitu soalan 24. Perancangan dan persembahan jawapan kurang memuaskan. Fakta dan huraian adalah tidak relevan dan berulang.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **BAHAGIAN B: Esei**

##### **Soalan 21**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **empat** alasan inflasi perlu diatasi. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- Kos sara hidup meningkat. Inflasi menyebabkan masyarakat terpaksa memperuntukkan wang yang lebih banyak untuk membiayai kos sara hidup yang tinggi atau nilai wang berkurang menyebabkan kuasa beli berkurang atau perbelanjaan masyarakat meningkat untuk mendapatkan jumlah barang yang sama seperti sebelum inflasi atau kemampuan untuk membeli barang dan perkhidmatan berkurangan. Kesannya, hutang meningkat atau tabungan berkurangan.
- Taraf hidup menurun. Inflasi menyebabkan pendapatan benar menurun atau kuasa beli masyarakat berkurang. Kesannya, kebajikan masyarakat menurun atau terjejas atau jumlah barang yang diperoleh semakin sedikit.
- Tabungan berkurang. Inflasi menyebabkan perbelanjaan penggunaan masyarakat meningkat. Kesannya, masyarakat terpaksa mengeluarkan tabungan untuk menampung perbelanjaan atau pulangan atas tabungan berkurang.
- Pembentukan modal atau pelaburan aset tetap berkurang. Inflasi menyebabkan kadar bunga nominal naik, menyebabkan kos meminjam semakin mahal, firma mengurangkan pelaburan atau pelaburan aset tetap terjejas. Atau, inflasi menyebabkan kadar bunga benar menurun, menyebabkan orang ramai mengeluarkan simpanan dan membeli aset tetap.
- Agihan pendapatan terjejas. Inflasi menyebabkan penghutang mendapat keuntungan atau pemuitang mendapat kerugian. Kesannya, nilai pinjaman benar penghutang berkurang atau pulangan benar pemuitang berkurang.
- Nilai benar aset kewangan tidak stabil atau menurun. Inflasi menyebabkan nilai wang turun atau kekayaan masyarakat terjejas. Kesannya, masyarakat lebih suka memegang aset tetap.
- Pelaburan langsung asing terjejas. Inflasi menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Kesannya, pelabur asing mengurangkan pelaburan atau guna tenaga berkurang.
- Imbangan pembayaran terjejas atauimbangan dagangan terjejas atauimbangan akaun semasa terjejas. Inflasi menyebabkan harga eksport meningkat, dan harga import relatif lebih murah. Kesannya, eksport menurun, import meningkat atau eksport bersih menurun.
- Imbangan pembayaran atauimbangan akaun modal terjejas. Inflasi menyebabkan kadar bunga benar menurun. Kesannya, pelabur asing mengurangkan pelaburan aset kewangan atau pelaburan portfolio terjejas.
- Nilai wang domestik terjejas. Inflasi menyebabkan kos mengimport menjadi semakin mahal. Kesannya, kos import atau kos pengeluaran meningkat.



- Menjejaskan industri atau firma tempatan atau daya saing. Inflasi menyebabkan kos pengeluaran tinggi. Kesannya, keuntungan terjejas atau hilang daya saing kerana harga keluaran tinggi.

Secara keseluruhannya calon dapat menyatakan **dua** atau **tiga** fakta berserta dengan huraian yang tepat. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta yang cukup serta huraian yang lengkap. Ini menyebabkan calon gagal memperoleh markah penuh. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon gagal mengemukakan **empat** fakta dengan tepat berserta dengan huraian yang lengkap.
- Kebanyakan calon hanya dapat mengemukakan **dua** fakta yang tepat, iaitu kos sara hidup meningkat dan taraf hidup menurun. Namun huraian yang diberikan tidak tepat.
- Huraian kepada fakta bersifat umum, tidak menepati kehendak soalan.
- Calon tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menjawab soalan ini. Jawapan mereka hanyalah mengikut logik akal.
- Fakta yang diberikan adalah terpesong, seperti mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran, dan meningkatkan pendapatan negara.
- Bagi fakta kos sara hidup meningkat, calon hanya memberikan jawapan perbelanjaan masyarakat meningkat sahaja tanpa perkataan untuk mendapat jumlah barang yang sama, seperti sebelumnya.
- Bagi fakta pelaburan langsung asing terjejas, calon hanya memberikan jawapan secara umum, iaitu pelaburan terjejas tanpa perkataan asing. Calon juga tidak menjelaskan peningkatan kos pengeluaran semasa menghuraikan fakta pelaburan langsung asing terjejas.
- Bagi fakta imbalan pembayaran terjejas pula, calon menjelaskan huraian harga eksport secara relatif lebih mahal tanpa menjelaskan harga import secara relatif lebih murah. Calon juga hanya menerangkan eksport menurun tanpa menjelaskan import meningkat.
- Bagi fakta nilai wang domestik terjejas, calon hanya menulis nilai wang menurun tanpa menjelaskan kos mengimport yang semakin meningkat.
- Bagi fakta daya saing keluaran tempatan terjejas pula, calon mengaitkannya dengan harga eksport dan harga import. Sepatutnya calon perlu kaitkan dengan kos pengeluaran dan keuntungan.

## Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan **empat** kelemahan data pendapatan per kapita untuk mengukur taraf hidup penduduk.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- Kualiti barang dan perkhidmatan. Peningkatan kualiti barangan akan meningkatkan taraf hidup penduduk. Walaupun pendapatan per kapita (PPK) meningkat atau tinggi tetapi kualiti barang rendah, taraf hidup rakyat tidak semestinya meningkat.
- Masa rehat atau masa kerja. Masa rehat yang panjang atau masa kerja yang pendek meningkatkan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat atau tinggi, tetapi masa rehat yang pendek atau masa bekerja panjang, taraf hidup rakyat tidak semestinya meningkat.
- Eksternaliti negatif. Eksternaliti negatif mengurangkan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat, tetapi eksternaliti negatif yang semakin meningkat, taraf hidup rakyat tidak semestinya meningkat.

- Komposisi barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Pengeluaran barang penggunaan akan meningkatkan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat, tetapi komposisi barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan lebih tertumpu kepada bukan barang penggunaan misalnya barang ketenteraan, taraf hidup rakyat tidak semestinya meningkat.
- Tingkat harga umum. Tingkat harga umum yang tinggi akan mengurangkan taraf hidup penduduk atau tingkat harga umum yang rendah akan meningkatkan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat atau tinggi, tingkat harga umum yang tinggi menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya tinggi. Atau, walaupun PPK berkurang atau rendah tetapi tingkat harga umum yang rendah menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya merosot.
- Agihan pendapatan. Agihan pendapatan yang setara akan meningkatkan taraf hidup penduduk atau agihan pendapatan yang tidak setara akan merendahkan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat atau tinggi, agihan pendapatan yang tidak setara menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya tinggi. Atau, walaupun PPK berkurang atau rendah tetapi agihan pendapatan adalah setara menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya merosot.
- Tingkat guna tenaga atau pengangguran. Tingkat guna tenaga yang rendah atau pengangguran yang tinggi akan merendah taraf hidup penduduk sebaliknya tingkat guna tenaga yang tinggi atau pengangguran yang rendah akan meninggikan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat atau tinggi, guna tenaga yang rendah atau pengangguran yang tinggi menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya tinggi. Sebaliknya, walaupun PPK berkurang atau rendah, guna tenaga yang tinggi atau pengangguran yang rendah menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya merosot.
- Masalah sosial atau kos sosial. Masalah sosial yang tinggi akan merendahkan taraf hidup penduduk atau sebaliknya masalah sosial yang rendah akan meninggikan taraf hidup penduduk. Walaupun PPK meningkat atau tinggi, masalah sosial yang tinggi menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya tinggi. Sebaliknya, walaupun PPK berkurang atau rendah, masalah sosial yang rendah menyebabkan taraf hidup penduduk tidak semestinya merosot.


Kebanyakan calon yang memilih untuk menjawab soalan ini dapat menjawab soalan dengan baik. Calon yang cemerlang dapat menerangkan fakta dengan betul dan disusuli dengan huraian fakta yang tepat dan lengkap. Terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon menyatakan fakta umum dan tidak mengikut kehendak soalan, seperti masalah dasar kerajaan, pertumbuhan ekonomi, dan lain-lain.
- Calon juga memberikan fakta yang salah. Antaranya ialah fakta masalah dalam menghitung pendapatan negara seperti masalah pengiraan dua kali, masalah kegiatan haram, dan lain-lain.
- Calon juga memberikan fakta bilangan penduduk sedangkan soalan merujuk pendapatan per kapita, iaitu jumlah penduduk telah diambil kira.
- Calon yang menggunakan istilah yang salah. Contohnya jurang agihan pendapatan.

### Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kesan kenaikan cukai pendapatan individu terhadap tingkat keseimbangan pendapatan negara dengan menggunakan gambar rajah perbelanjaan agregat-pendapatan negara ( $AE - Y$ ).

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Keseimbangan asal di  $E_0$  apabila  $Y = AE_0 = C_0 + I + G$  pada pendapatan negara  $Y_0$ . Apabila cukai pendapatan individu meningkat, ini menyebabkan pendapatan boleh guna ( $Yd$ ) merosot, perbelanjaan penggunaan ( $C$ ) merosot dari  $C_0$  ke  $C_1$ . Perbelanjaan agregat ( $AE$ ) merosot dan keluk  $AE$  beralih ke bawah dari  $AE_0$  ke  $AE_1$ . Pada tingkat pendapatan  $Y_0$ , wujud lebih penawaran agregat ( $AS$ ), stok atau inventori berlebihan, dan firma mengurangkan pengeluaran. Proses ini berterusan sehingga titik keseimbangan baharu tercapai di  $E_1$ . Pendapatan negara berkurang dari  $Y_0$  ke  $Y_1$ .

Sebahagian calon dapat melukis gambar rajah dengan betul dan memberikan huraian yang tepat dan lengkap. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon salah melabel paksi. Contohnya, paksi  $Y$  dilabel  $AE - Y$  atau harga
- Calon membuat peralihan keluk  $AE$  ke arah yang salah.
- Calon membuat perubahan komponen selain komponen  $C$ .
- Calon melukis keluk  $AE$  mendatar selari dengan paksi pendapatan negara.
- Calon melabelkan komponen  $AE$ , seperti  $AE_0$  dan  $AE_1$  sahaja.
- Calon melabelkan komponen  $AE$  untuk dua sektor sahaja.
- Hampir 80% calon tidak menerangkan kesan cukai ke atas pendapatan boleh guna sebaliknya menerangkan kesan cukai ke atas pendapatan benar, kuasa beli, dan sebagainya
- Calon tidak menerangkan wujudnya lebih  $AS$  pada tingkat pendapatan  $Y_0$ .
- Calon menerangkan wujudnya kekurangan bekalan stok dan firma menambahkan pengeluaran. Jawapan yang sepatutnya ialah wujud lebih bekalan stok dan firma mengurangkan pengeluaran.

#### Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan bagaimana nisbah rizab tunai, kadar dasar semalaman, dan syarat pinjaman boleh meningkatkan penciptaan kredit. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:


- Nisbah rizab tunai. Bank pusat menurunkan nisbah rizab tunai. Ini menyebabkan lebih rizab di bank perdagangan meningkat atau kecairan bank di bank perdagangan meningkat. Keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman meningkat. Pinjaman atau deposit permintaan meningkat dan penciptaan kredit meningkat melalui proses pengganda wang.
- Kadar dasar semalaman. Bank pusat menurunkan kadar dasar semalaman. Ini menyebabkan kos atau kadar pinjaman antara bank perdagangan menjadi semakin murah. Maka, keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman meningkat. Pinjaman atau deposit permintaan meningkat dan penciptaan kredit meningkat melalui proses pengganda wang.
- Syarat pinjaman. Bank pusat atau bank perdagangan melonggarkan syarat pemberian pinjaman atau memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman. Orang ramai meningkatkan pinjaman atau deposit permintaan dan penciptaan kredit meningkat.

Kebanyakan calon dapat menjelaskan tindakan bank pusat dengan baik, seperti menurunkan nisbah rizab tunai, menurunkan kadar dasar semalaman, dan melonggarkan syarat pinjaman. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon gagal menjelaskan lebih rizab dan kecairan bank perdagangan yang meningkat bagi fakta nisbah rizab tunai.
- Calon tidak menjelaskan keupayaan bank perdagangan mencipta kredit.
- Calon menjelaskan proses penciptaan kredit meningkat tanpa menjelaskan pinjaman yang meningkat atau deposit permintaan yang meningkat.

### Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan bagaimana peningkatan permintaan wang untuk tujuan urus niaga dan awasan mempengaruhi kadar bunga dan kuantiti wang menurut Teori Keutamaan Kecairan Keynes dengan menggunakan gambar rajah. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:




Keseimbangan asal di  $E_0$  apabila  $Md_0 = Ms_0$  pada kadar bunga  $r_0$  dan kuantiti wang  $M_0$ . Apabila permintaan wang untuk tujuan urus niaga dan awasan bertambah maka permintaan wang bertambah. Keluk permintaan wang beralih ke kanan, iaitu dari  $Md_0$  ke  $Md_1$ . Pada kadar bunga  $r_0$  wujud lebih permintaan wang sebanyak  $E_0A$  menyebabkan masyarakat kekurangan wang atau kecairan. Masyarakat menjual bon, harga bon jatuh, kadar bunga naik. Proses ini berterusan sehingga keseimbangan baru dicapai pada  $E_1$  apabila  $Md_1 = Ms$ . Kadar bunga meningkat ke  $r_1$  atau dari  $r_0$  ke  $r_1$  dan kuantiti wang tetap di  $M_0$ .

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, kualiti jawapan yang diberikan agak baik dan menepati skema pemarkahan. Calon mampu melukis gambar rajah dengan betul dan memberikan penerangan rajah dengan baik, betul serta lengkap. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menghuraikan keseimbangan dengan lengkap. Contohnya: Calon tidak menyatakan keseimbangan asal ialah kadar bunga  $r_0$ .
- Calon tidak menjelaskan permintaan wang meningkat kesan daripada peningkatan permintaan wang untuk tujuan urus niaga dan awasan.
- Calon tidak dapat membezakan permintaan wang dengan penawaran wang.
- Calon tidak menyatakan pada  $r_0$  berlaku lebih permintaan wang sebanyak  $E_0A$  menyebabkan masyarakat kekurangan wang atau kecairan.
- Calon tidak dapat menyatakan atau membezakan jual atau beli bon untuk meningkatkan tunai.
- Calon melabel paksi Y ialah harga dan paksi X ialah kuantiti.

### Soalan 26

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan devaluasi Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) dalam sistem kadar pertukaran tetap dengan berbantuan gambar rajah pasaran pertukaran asing (RM/USD). Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Devaluasi RM merupakan langkah kerajaan menetapkan RM lebih rendah daripada keseimbangan kadar pertukaran asing di pasaran. Kadar pertukaran asing di pasaran ialah RM4.50/USD1, tetapi kerajaan menetapkan pada RM4.70/USD1.

Hanya sebahagian kecil calon boleh menjawab soalan ini dengan baik. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak dapat melukis keluk pasaran mata wang asing dengan betul.
- Calon salah melabel paksi dan keluk. Paksi  $X$  dilabel dengan kuantiti RM/USD, kuantiti wang. Bagi paksi  $Y$  pula dilabel dengan Ringgit Malaysia (RM). Keluk  $D$  dilabel dengan  $Md$ , manakala keluk  $S$  dilabel dengan  $Ms$ .
- Calon tidak menyatakan maksud devaluasi atau tidak menyatakan proses devaluasi. Terdapat calon yang menyatakan maksud devaluasi namun calon tidak mengaitkannya dengan gambar rajah.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan kesan devaluasi Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) terhadap imbalan pembayaran negara Malaysia. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Devaluasi RM menyebabkan harga barang eksport secara relatif lebih murah di Amerika Syarikat. Permintaan terhadap barangan Malaysia di Amerika Syarikat meningkat atau eksport meningkat. Harga barang import secara relatif lebih mahal. Permintaan terhadap barangan Amerika Syarikat di Malaysia berkurang atau import berkurang. Eksport meningkat dan import berkurang atau eksport bersih meningkat. Imbalan pembayaran Malaysia bertambah baik.

Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak menguasai konsep kadar pertukaran asing dengan baik. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menyatakan perkataan relatif atau secara perbandingan lebih mahal atau lebih murah apabila menerangkan harga barang eksport Malaysia atau harga barang import dari Amerika Syarikat.
- Calon tidak mengaitkan eksport bersih apabila menerangkan eksport meningkat dan import berkurang.

### Soalan 27

Soalan (a) menghendaki calon menghitung keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2020 dan pada tahun 2021 berdasarkan jadual tersebut:

Tahun	Perbelanjaan penggunaan akhir		Perubahan inventori	Pembentukan modal tetap kasar (Awam dan swasta)	Eksport barang dan perkhidmatan	Import barang dan perkhidmatan
	Awam	Swasta				
2019	74 970	307 467	1196	145 525	690 096	579 688
2020	78 675	309 169	-8682	141 584	615 024	505 886
2021	81 383	330 385	8129	158 397	683 391	585 031

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{KDNK} = C + I + G + (X - M)$$

KDNK 2020	309 169 + (141 584 + (-8 682)) + 78 675 + (109 138) = RM629 884 juta
KDNK 2021	330 385 + (158 397 + 8 129) + 81 383 + (98 360) = RM676 654 juta

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung peratus sumbangan perbelanjaan penggunaan akhir terhadap KDNK pada tahun 2020 dan pada tahun 2021. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Sumbangan perbelanjaan penggunaan akhir} = [(C \text{ awam} + C \text{ swasta}) \div \text{KDNK}] \times 100$$

2020	$[(78\,675 + 309\,164) \div 629\,884] \times 100$ = 61.57%
2021	$[(81\,383 + 330\,385) \div 676\,654] \times 100$ = 60.85%

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menghitung peratus sumbangan pelaburan terhadap KDNK pada tahun 2020 dan pada tahun 2021. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Sumbangan pelaburan} = [(I \text{ awam dan swasta} + \text{Perubahan inventori}) \div \text{KDNK}] \times 100$$

2020	$[(141\,584 - 8682) \div 629\,884] \times 100$ = 21.10%
2021	$[(158\,397 + 8\,129) \div 676\,654] \times 100$ = 24.61%

Soalan (c) menghendaki calon membandingkan kepentingan sumbangan perbelanjaan penggunaan akhir dengan sumbangan pelaburan terhadap KDNK berdasarkan jawapan calon di (b)(i) dan di (b)(ii). Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Sumbangan perbelanjaan penggunaan akhir lebih penting berbanding dengan sumbangan pelaburan atau peratusan sumbangan perbelanjaan penggunaan akhir menurun manakala peratusan sumbangan pelaburan meningkat.

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan (a) dan (b)(i) dengan baik. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Masih terdapat calon yang tidak menulis unit (%) pada jawapan dan tidak membundarkan jawapan kepada dua titik perpuluhan yang menyebabkan calon kehilangan markah.
- Ramai calon yang sederhana dan lemah tidak dapat menghitung kerana tidak menghafal rumus menyebabkan mereka menggunakan rumus yang salah untuk menghitung peratus sumbangan perbelanjaan penggunaan akhir dan peratus sumbangan pelaburan terhadap KDNK.

- Calon tidak memberikan formula atau tidak menunjukkan jalan pengiraan sedangkan markah diperuntukkan untuk formula atau jalan kerja.
- Kebanyakan calon salah semasa menghitung peratus sumbangan pelaburan terhadap KDNK kerana calon tidak menjumlahkan pelaburan awam dan swasta dengan perubahan inventori.

### Soalan 28

Soalan (a) menghendaki calon menerbitkan fungsi bocoran berdasarkan maklumat yang berikut:

$$\text{Perbelanjaan penggunaan, } C = 200 + 0.8Y_d, \text{ dengan } Y_d = Y - T$$

$$\text{Perbelanjaan pelaburan, } I = 1000$$

$$\text{Perbelanjaan kerajaan, } G = 500$$

$$\text{Cukai, } T = 300$$

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Fungsi bocoran} &= S + T \\ &= -200 + 0.2(Y - 300) + 300 \\ &= 40 + 0.2Y \end{aligned}$$

Soalan (b) menghendaki calon menghitung pendapatan negara pada tingkat keseimbangan dengan menggunakan pendekatan suntikan-bocoran. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Suntikan} &= \text{bocoran} \\ I + G &= S + T \\ 1000 + 500 &= 40 + 0.2Y \\ Y &= \text{RM7300 juta} \end{aligned}$$

Soalan (c)(i) menghendaki calon menghitung jumlah perbelanjaan penggunaan pada tingkat keseimbangan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah perbelanjaan penggunaan, } C &= 200 + 0.8(7300 - 300) \\ &= \text{RM5800 juta} \end{aligned}$$

Soalan (c)(ii) menghendaki calon menghitung jumlah tabungan pada tingkat keseimbangan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah tabungan, } S &= \text{bocoran} - \text{cukai} \\ &= [(40 + 0.2(7300))] - 300 \\ &= \text{RM1200 juta} \end{aligned}$$

Atau

$$\begin{aligned} S &= -200 + 0.2(7300 - 300) - [\text{Fungsi } S] \\ &= \text{RM1200 juta} \end{aligned}$$

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat calon yang gagal mendapat markah penuh bagi soalan ini kerana terdapat beberapa kelemahan. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menghitung tingkat keseimbangan pendapatan negara mengikut pendekatan suntikan-bocoran.



- Sebilangan kecil calon masih tidak menyatakan unit, iaitu RM atau juta
- Calon salah membentuk fungsi  $S$  daripada fungsi  $C$ , iaitu terlupa menukar nilai MPC menyebabkan fungsi bocoran yang dibentuk adalah salah.
- Calon menulis fungsi  $S$  sebagai  $S = -200 + 0.8Y_d$ . Sepatutnya calon menulis fungsi  $S$  sebagai  $S = -200 + 0.2Y_d$ .

### Soalan 29

Soalan (a) menghendaki calon menghitung pengganda wang berdasarkan maklumat yang telah diberikan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Pengganda wang} &= 1/0.1 \\ &= 10 \end{aligned}$$

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung jumlah pinjaman yang baharu selepas proses penciptaan kredit berlaku sepenuhnya. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pinjaman yang baharu} &= (\text{Pengganda wang} \times \text{pinjaman awal}) \\ &= 10 \times 18\,000 \\ &= \text{RM}180\,000 \end{aligned}$$

Atau

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pinjaman yang baharu} &= (\text{Pinjaman awal} / \text{Nisbah rizab berkanun}) \\ &= 18\,000/0.1 \\ &= \text{RM}180\,000 \end{aligned}$$

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menghitung jumlah bekalan wang yang baharu selepas proses penciptaan kredit berlaku sepenuhnya. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bekalan wang} &= (\text{Pengganda wang} \times \text{DS awal}) \\ &= 10 \times 20\,000 \\ &= \text{RM}200\,000 \end{aligned}$$

Atau

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bekalan wang} &= (\text{DS awal} / \text{Nisbah rizab berkanun}) \\ &= 20\,000/0.1 \\ &= \text{RM}200\,000 \end{aligned}$$

Soalan (c)(i) menghendaki calon menghitung perbezaan jumlah bekalan wang yang baharu dalam ekonomi selepas proses penciptaan kredit berlaku sepenuhnya dengan andaian bank pusat menetapkan nisbah rizab berkanun sebanyak 5% dan jumlah deposit semasa yang asal. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bekalan wang yang baharu} &= 20 \times 20\,000 \\ &= \text{RM}400\,000 \end{aligned}$$

Atau

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bekalan wang yang baharu} &= 20\,000/0.05 \\ &= \text{RM}400\,000 \end{aligned}$$

Atau

Pengganda wang =  $1/0.05$

Jumlah bekalan wang = RM400 000

Perbezaan jumlah bekalan wang = RM (400 000 – 200 000)  
= RM200 000

Soalan (c)(ii) menghendaki calon menjelaskan kesan tindakan bank pusat tersebut ke atas kadar bunga dan pelaburan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Bekalan wang meningkat, kadar bunga turun, pelaburan meningkat.

Hanya sebilangan kecil calon boleh menjawab soalan ini dengan tepat. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak dapat menghitung nilai jumlah pinjaman baharu.
- Calon tidak dapat menghitung jumlah bekalan wang yang baharu pada soalan (b)(ii) kerana calon tidak memahami kehendak pokok soalan yang merujuk jumlah deposit semasa baharu.
- Calon tidak dapat menghitung perbezaan jumlah bekalan wang yang baharu apabila Nisbah Rizab Berkanun sebanyak 10% berubah menjadi 5%.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11 362 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 58.02%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	21.29	4.36	4.90	5.07	5.22	11.55	5.63	4.89	9.57	4.15	23.38

## RESPONS CALON

### ESEI DAN KUANTITATIF

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah memuaskan. Sebahagian kecil sahaja calon yang dapat memberikan jawapan dengan baik berdasarkan soalan-soalan yang diberikan pada Bahagian A. Sebahagian lagi calon tidak dapat memberikan jawapan dengan baik. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Namun kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik pada Bahagian B, iaitu soalan kuantitatif.

#### *Komen soalan demi soalan*

### BAHAGIAN A: Esei

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menerangkan **dua** alat dasar fiskal yang sesuai dilaksanakan untuk mengatasi masalah pengangguran kitaran. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- Pengurangan cukai atau pengurangan cukai keuntungan syarikat akan menggalakkan pelaburan. Permintaan agregat atau perbelanjaan agregat meningkat, ekonomi berkembang, peluang pekerjaan meningkat atau guna tenaga meningkat dan masalah pengangguran diatasi.

Atau

Pengurangan cukai atau pengurangan cukai pendapatan individu. Ini menyebabkan pendapatan boleh guna meningkat atau penggunaan meningkat. Permintaan agregat meningkat atau perbelanjaan agregat meningkat, ekonomi berkembang atau peluang pekerjaan meningkat atau guna tenaga meningkat dan masalah pengangguran diatasi.

- Kenaikan perbelanjaan kerajaan. Permintaan agregat meningkat. Keluaran negara atau pendapatan negara meningkat, ekonomi berkembang atau peluang pekerjaan meningkat atau guna tenaga meningkat dan masalah pengangguran diatasi.

- Kerajaan mengurangkan cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan secara serentak. Permintaan agregat meningkat. Keluaran negara meningkat atau pendapatan negara meningkat, peluang pekerjaan meningkat atau guna tenaga meningkat dan masalah pengangguran diatasi.
- Memberikan atau meningkatkan subsidi upah. Kos pengeluaran menurun. Penawaran agregat meningkat atau pendapatan negara meningkat, peluang pekerjaan meningkat atau guna tenaga meningkat dan masalah pengangguran diatasi.

Ramai calon memilih untuk menjawab soalan ini dan dapat menjawab soalan dengan baik serta menepati skema pemarkahan. Calon yang cemerlang dapat menyatakan fakta yang tepat, iaitu dua alat dasar fiskal serta dapat menerangkan bagaimana alat tersebut dapat mengatasi masalah pengangguran kitaran. Namun terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon memberikan jawapan mengenai dasar kewangan seperti menurunkan nisbah rizab berkanun, operasi pasaran terbuka, dan sebagainya.
- Calon memberikan huraian fakta yang tidak lengkap seperti menaikkan perbelanjaan kerajaan menyebabkan permintaan agregat meningkat dan pengangguran kitaran dapat diatasi. Calon tidak menyatakan keluaran negara atau pendapatan negara meningkat menyebabkan masalah pengangguran diatasi.
- Calon memberikan jawapan alat dasar fiskal dengan betul, iaitu perbelanjaan kerajaan dan cukai tetapi konsep yang diberikan oleh calon terbalik seperti menurunkan perbelanjaan kerajaan atau meningkatkan cukai. Huraian yang diberikan juga terbalik seperti meningkatkan cukai akan menyebabkan pendapatan boleh guna meningkat.
- Calon menyatakan perubahan perbelanjaan kerajaan sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah kenaikan perbelanjaan kerajaan.
- Calon menyatakan kerajaan mengubah kadar cukai sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah pengurangan cukai atau pengurangan cukai pendapatan individu atau pengurangan cukai keuntungan syarikat.

## Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan perkaitan antara kos sara hidup dengan taraf hidup. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Hubungan antara kos sara hidup dengan taraf hidup adalah secara songsang atau negatif. Atau, apabila kos sara hidup tinggi maka taraf hidup adalah rendah. Kos sara hidup yang tinggi menyebabkan individu atau isi rumah terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi sehingga menjejaskan atau merendahkan atau mengurangkan taraf hidup mereka.

Soalan ini menjadi pilihan ramai calon. Kebanyakan calon dapat menjelaskan hubungan antara kos sara hidup dengan taraf hidup dengan tepat. Namun terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Terdapat segelintir calon yang menyatakan hubungan yang salah iaitu hubungan antara kos sara hidup dengan taraf hidup adalah secara positif. Jawapan yang sepatutnya adalah hubungan negatif atau songsang.

- Kebanyakan calon tidak dapat memberikan huraian dengan tepat, iaitu kos sara hidup yang tinggi menyebabkan individu atau isi rumah terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi sehingga menjejaskan taraf hidup. Calon gagal mengaitkan kos sara hidup dengan taraf hidup dari aspek perbelanjaan. Kebanyakan huraian yang diberikan adalah umum dan berulang-ulang mengenai hubungan.
- Ramai calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Mereka memberikan definisi bagi kos sara hidup dan taraf hidup, serta sentiasa mengaitkannya dengan kuasa beli.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan perkaitan antara inflasi dengan kos sara hidup. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Hubungan antara kos sara hidup dengan inflasi adalah secara langsung atau positif. Apabila berlaku inflasi, kos atau perbelanjaan untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan atau keperluan asas semakin mahal atau meningkat.

Kebanyakan calon dapat menjelaskan hubungan antara inflasi dengan kos sara hidup dengan tepat. Malahan terdapat calon yang memberikan ayat yang menerangkan hubungan serta dapat memberikan penerangan dalam aspek kos perbelanjaan untuk mendapatkan keperluan asas. Namun terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Terdapat segelintir calon yang menyatakan hubungan yang salah iaitu hubungan antara inflasi dengan kos sara hidup adalah secara negatif. Jawapan yang sepatutnya adalah hubungan positif.
- Kebanyakan calon tidak dapat memberikan huraian dengan tepat iaitu kos sara hidup yang tinggi menyebabkan individu atau isi rumah terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan. Calon gagal mengaitkan kos sara hidup dengan taraf hidup dari aspek perbelanjaan dalam huraian. Kebanyakan huraian yang diberikan adalah umum dan berulang-ulang mengenai hubungan.
- Terdapat juga calon yang memberikan huraian yang salah iaitu berkaitan dengan kuasa beli dan juga pendapatan boleh guna.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan perkaitan antara inflasi dengan taraf hidup. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Hubungan antara inflasi dengan taraf hidup adalah secara songsang atau negatif. Inflasi mengurangkan pendapatan benar masyarakat atau kuasa beli berkurang dan kualiti hidup atau taraf hidup masyarakat akan merosot.

Kebanyakan calon dapat menjelaskan hubungan antara inflasi dengan taraf hidup dengan tepat. Terdapat calon yang memberikan ayat yang menerangkan hubungan serta dapat memberikan penerangan dari aspek pendapatan benar masyarakat atau kuasa beli dan dikaitkan dengan kualiti hidup. Namun terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Terdapat segelintir calon yang menyatakan hubungan yang salah, iaitu hubungan antara inflasi dengan taraf hidup adalah secara positif. Jawapan yang sepatutnya adalah hubungan negatif.
- Kebanyakan calon tidak dapat memberikan huraian dengan tepat, iaitu inflasi mengurangkan pendapatan benar masyarakat atau kuasa beli berkurang dan kualiti hidup merosot. Calon gagal mengaitkan inflasi dengan taraf hidup dari aspek pendapatan benar atau kuasa beli berkurang dalam huraian. Kebanyakan huraian yang diberikan adalah umum dan berulang-ulang mengenai hubungan sahaja.

- Calon memberikan huraian tentang hubungan inflasi dengan taraf hidup dalam konteks yang salah, seperti pendapatan per kapita, gaya hidup, dan pendapatan negara atau keluaran benar.

### Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud inflasi tarikan permintaan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Inflasi tarikan permintaan ialah kenaikan harga umum yang disebabkan oleh kenaikan dalam permintaan agregat yang berterusan.

Kebanyakan calon dapat memberikan definisi dengan tepat. Namun terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon memberikan definisi yang tidak lengkap, seperti inflasi tarikan permintaan ialah kenaikan tingkat harga umum. Calon tidak menyatakan sebab, iaitu kenaikan dalam permintaan agregat.
- Calon memberikan definisi yang kurang tepat, seperti inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh permintaan agregat lebih daripada penawaran agregat.
- Calon tertinggal istilah 'umum', iaitu hanya menulis kenaikan harga barang.
- Antara jawapan popular tetapi kurang tepat bagi definisi inflasi tarikan permintaan ialah:
  - i. permintaan agregat melebihi penawaran agregat,
  - ii. permintaan agregat melebihi keupayaan ekonomi,
  - iii. permintaan agregat melebihi pertumbuhan ekonomi,
  - iv. permintaan agregat mencapai tingkat guna tenaga penuh.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan **empat** faktor yang menyebabkan berlakunya inflasi tarikan permintaan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- Kenaikan dalam perbelanjaan penggunaan (C)
- Kenaikan dalam pelaburan
- Kenaikan dalam perbelanjaan kerajaan
- Peningkatan eksport bersih
- Pertambahan dalam bekalan wang
- Penurunan dalam cukai atau cukai pendapatan individu atau cukai keuntungan syarikat

Soalan ini menjadi pilihan ramai calon tetapi hanya calon daripada kategori cemerlang yang dapat memberikan jawapan yang betul dan tepat. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Jawapan yang diberikan tidak berkaitan dengan kehendak soalan, seperti dasar kewangan menguncup, kenaikan harga input, perubahan teknologi, dan sebagainya.
- Calon memberikan faktor yang menyebabkan inflasi tarikan permintaan dengan merujuk ilmu mikroekonomi, iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan, seperti musim, pendapatan pengguna, dasar kerajaan, dan sebagainya.
- Calon memberikan jawapan komponen *AE* tetapi tidak lengkap, seperti *C, I, G, X* bersih. Dalam kes seperti ini calon gagal mendapat markah kerana tidak nyatakan berlaku kenaikan atau penurunan.

#### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan kedudukan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan Dolar Amerika pada tahun 2014 hingga tahun 2015. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Nilai Ringgit Malaysia semakin menurun atau susut nilai atau merosot berbanding Dolar Amerika. Ini kerana untuk mendapatkan 1 USD, semakin banyak RM yang perlu ditukarkan.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antaranya ialah:

- Jawapan yang diberikan oleh calon hampir betul tetapi tidak lengkap kerana tertinggal perkataan nilai.
- Tidak ramai calon yang dapat memberikan huraian kedudukan RM, iaitu ‘untuk mendapatkan 1 USD, semakin banyak RM yang perlu ditukarkan.’ Jawapan yang diberikan oleh calon longgar dan bersifat umum.
- Calon memberikan jawapan bersifat songsang iaitu nilai Ringgit Malaysia semakin naik atau meningkat nilai berbanding dengan Dolar Amerika. Didapati calon tidak faham konsep antara RM susut nilai dan RM naik nilai.

Soalan (b) menghendaki calon memberikan **empat** kesan perubahan kadar pertukaran tersebut terhadap ekonomi negara. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- Harga barang eksport secara relatif semakin murah.
- Harga barang import secara relatif semakin mahal.
- Daya saing eksport negara meningkat.
- Eksport meningkat.
- Permintaan terhadap import negara menurun atau import menurun.
- Akaun semasa negara semakin baik atau akaun dagangan bertambah baik / akaun perkhidmatan bertambah baik.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antaranya ialah:

- Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan dengan lengkap dan bercanggah dari segi konsep atau teori seperti hutang negara berkurangan. Calon sepatutnya menjawab hutang luar negara berkurangan kerana pembayaran hutang luar negara melibatkan kadar pertukaran asing manakala hutang dalam negara dibayar dalam nilai RM.
- Terdapat juga calon yang memberikan jawapan dalam bentuk songsang, seperti eksport akan menurun.
- Calon memberikan jawapan betul tetapi tertinggal istilah tertentu seperti ‘relatif’. Contoh jawapan yang diberikan adalah “harga barang eksport semakin murah”.

#### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis unit perniagaan berdasarkan ciri milikan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (i) Unit perniagaan yang dimiliki oleh dua hingga 20 orang rakan bagi perniagaan biasa ialah perkongsian.

- (ii) Unit perniagaan yang dimiliki oleh dua orang pemegang saham dan tiada had maksimum pemegang saham ialah syarikat awam berhad.
- (iii) Unit perniagaan yang dimiliki oleh dua hingga 50 orang pemegang saham ialah syarikat sendirian berhad.

Sebahagian calon yang cemerlang dapat memberikan jawapan dengan betul dan memperoleh markah penuh. Namun terdapat beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antaranya ialah:

- Calon memberikan fakta dengan betul tetapi tidak lengkap seperti 'syarikat awam', tertinggal perkataan berhad atau 'awam berhad', tertinggal perkataan syarikat.
- Jawapan calon bagi unit perniagaan yang dimiliki oleh dua hingga 20 orang rakan bagi perniagaan biasa ialah koperasi. Jawapan ini tidak relevan.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia dalam sektor pembuatan dari segi bilangan pekerja. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (i) Jumlah pekerja lima hingga 74 orang ialah perusahaan kecil.
- (ii) Jumlah pekerja kurang daripada lima orang ialah perusahaan mikro.
- (iii) Jumlah pekerja 75 hingga 200 orang ialah perusahaan sederhana.

Hanya sebahagian kecil calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Antaranya ialah:

- Jawapan yang diberikan oleh calon berkisar tentang contoh jenis-jenis perniagaan atau agensi pemberi kredit.
- Calon hanya menjawab soalan bahagian 5(a) sahaja dan bahagian 5(b) ditinggalkan kosong.
- Calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik, jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:
  - i. Perkhidmatan atau sederhana
  - ii. Pertanian atau kecil
  - iii. Perkilangan atau makro atau besar

## Soalan 6

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan peranan institusi kewangan dari aspek menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Institusi kewangan menyediakan dana atau memberikan pinjaman kepada unit ekonomi seperti isi rumah atau firma atau kerajaan. Dana tersebut akan digunakan oleh unit ekonomi untuk meningkatkan perbelanjaan penggunaan atau pelaburan atau perbelanjaan kerajaan. Kesannya, permintaan agregat meningkat atau produktiviti meningkat, pendapatan negara meningkat atau ekonomi berkembang.

Kebanyakan calon dapat memberikan huraian yang pertama, iaitu institusi kewangan menyediakan dana atau memberikan pinjaman kepada unit ekonomi seperti isi rumah atau firma atau kerajaan. Namun, calon tidak dapat menjelaskan bagaimana dana tersebut dapat membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi.



Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan peranan institusi kewangan dari aspek membiayai kos menjalankan perniagaan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Institusi kewangan memainkan peranan untuk mengumpulkan dana daripada unit lebihan. Dana tersebut dipinjamkan kepada unit ekonomi yang mengalami kekurangan dana atau membiayai kos operasi perniagaan.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta dengan tepat serta huraian yang diberikan bersifat umum dan tiada kaitan dengan soalan atau fakta.
- Calon memberikan jawapan fungsi institusi kewangan sebagai perantaraan, perkongsian risiko, dan penyerakan risiko.
- Calon memberikan jawapan dalam konteks kemiskinan.
- Kebanyakan calon hanya dapat memberikan jawapan institusi kewangan mengumpulkan dana namun calon tidak dapat menghuraikan institusi kewangan juga akan meminjamkan dana tersebut kepada unit ekonomi yang mengalami kekurangan dana atau membiayai kos operasi perniagaan.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan **satu** contoh agensi pemberi kredit bukan bank di Malaysia. Calon seharusnya memberikan mana-mana satu jawapan seperti yang berikut:

- AIM
- Ar-Rahnu
- Koperasi
- Syarikat pemberi pinjaman wang berlesen
- Syarikat insurans
- Syarikat takaful
- TEKUN
- MARA
- SME Corp
- Agensi pemberi kredit negeri

Ramai calon dapat menyatakan satu contoh agensi pemberi kredit bukan bank di Malaysia dengan betul dan tepat. Sebahagian kecil calon masih tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Contohnya jawapan yang diberikan ialah KWSP dan Lembaga Tabung Haji. Kedua-dua institusi ini ialah institusi kewangan bukan perbankan tetapi bukan agensi pemberi kredit.

## **BAHAGIAN B: Kuantitatif**

### **Soalan 7**

Soalan (a)(i) menghendaki calon menghitung jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014 hingga tahun 2016 berdasarkan data tersebut.

Sektor	Perbelanjaan mengurus (RM juta)			Perbelanjaan pembangunan (RM juta)		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016
Ekonomi	19 310	20 157	18 861	23 337	23 286	25 113
Sosial	81 564	83 467	81 889	10 490	11 160	10 429
Keselamatan	25 925	27 183	23 951	4332	4754	4832
Pentadbiran am	16 240	16 712	15 755	1344	1568	1621
Lain-lain perbelanjaan	76 523	69 479	69 717	-	-	-
Jumlah	219 562	216 998	210 173	39 503	40 768	41 995

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Jum. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014  
= perbelanjaan mengurus + perbelanjaan pembangunan  
= RM219 562 juta + RM39 503 juta  
= RM259 065 juta

Tahun 2015: RM257 766 juta

Tahun 2016: RM252 168 juta

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang membuat kesalahan seperti tidak meletakkan RM dan juta pada jawapan. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang salah kerana tersilap campur atau menggunakan formula yang salah.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menyatakan arah aliran jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Arah aliran jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan semakin menurun.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang membuat kesalahan seperti menulis arah aliran yang meningkat atau tidak konsisten kerana calon merujuk jawapan pada (a)(i) yang salah.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung peratus sumbangan perbelanjaan mengurus dan peratus sumbangan perbelanjaan pembangunan terhadap jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}
\% \text{ sumbangan perbelanjaan mengurus} &= \frac{\text{Jumlah perbelanjaan mengurus}}{\text{Jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan}} \times 100 \\
&= \frac{216\,998}{257\,766} \times 100 \\
&= 84.18 \%
\end{aligned}$$

$$\% \text{ sumbangan perbelanjaan pembangunan} = \frac{40\,768}{27\,766} \times 100$$

$$= 15.82 \%$$

Atau

$$= (100 - 84.18 = 15.82 \%)$$

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang membuat kesalahan seperti silap membundarkan jawapan kepada dua titik perpuluhan. Calon memberikan jawapan % sumbangan perbelanjaan mengurus ialah 84.18410%. Terdapat calon yang tidak meletakkan simbol % pada jawapan akhir.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon merumuskan jawapan di (b)(i). Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Peratus sumbangan perbelanjaan mengurus lebih besar atau peratus sumbangan perbelanjaan pembangunan lebih kecil.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang membuat kesalahan seperti silap mengemukakan peratus sumbangan yang lebih besar ialah perbelanjaan pembangunan. Calon memberikan jawapan seperti ini kerana merujuk jawapan yang dihitung salah pada soalan (b)(i).

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan sektor yang mendapat peruntukan yang tertinggi dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014 hingga tahun 2016. Calon seharusnya memberikan jawapan sektor sosial.

Kebanyakan calon yang memilih untuk menjawab soalan 7 ini dapat menjawab soalan dengan betul. Namun terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan seperti menyatakan sektor yang mendapat peruntukan yang tertinggi dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Calon cenderung memberikan jawapan iaitu sektor ketiga. Jawapan ini salah kerana jawapan yang diberikan perlu merujuk kehendak soalan, iaitu sektor sosial.

### Soalan 8

Soalan (a)(i) menghendaki calon menghitung jumlah guna tenaga pada tahun 2016 dan pada tahun 2017 berdasarkan data tersebut.

Butiran	2016 (ribu orang)	2017 (ribu orang)
Tenaga buruh	14 667.8	14 952.6
Guna tenaga mengikut sektor ekonomi		
Pertanian, perhutanan, dan perikanan	1609.9	1631.6
Perlombongan dan pengkuarian	96.3	97.0
Pembuatan	2390.6	2509.1
Pembinaan	1251.7	1256.0
Perkhidmatan	8814.3	8956.3

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	Jumlah guna tenaga (ribu orang)
2016	$1609.9 + 96.3 + 2390.6 + 1251.7 + 8814.3 = 14\ 162.8$
2017	$1631.6 + 97.0 + 2509.1 + 1256.0 + 8956.3 = 14\ 450.0$

Sebahagian besar calon memilih menjawab soalan 8. Calon dapat menjawab soalan dengan baik. Walau bagaimanapun terdapat sedikit kelemahan calon semasa menjawab soalan ini antaranya tertinggal perkataan ribu orang. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan perubahan guna tenaga pada tahun 2016 hingga tahun 2017. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Guna tenaga telah meningkat sebanyak 287.2 ribu orang atau 2.03%.

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik jika calon dapat menjawab soalan (a)(i) dengan betul. Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini ialah calon hanya menghuraikan guna tenaga telah meningkat, tetapi tidak menyatakan jumlah iaitu sebanyak 287.2 ribu orang atau meningkat daripada 14 162.8 ribu orang kepada 14 450 ribu orang.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung kadar pengangguran pada tahun 2016 dan pada tahun 2017. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	Kadar pertumbuhan hasil Kerajaan Persekutuan
2016	$\frac{(14\ 667.8 - 14\ 162.8)}{14\ 667.8} \times 100 = 3.44$
2017	$\frac{(14\ 952.6 - 14\ 450.0)}{14\ 952.6} \times 100 = 3.36$

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat beberapa kesilapan calon semasa menjawab soalan ini walaupun rumus yang diberikan adalah betul. Ini adalah disebabkan calon tersilap semasa membuat pengiraan. Contoh pengiraan yang diberikan oleh calon ialah seperti yang berikut:

- $14\ 667.8 - 14\ 162.8 \div 14\ 162.8 \times 100 = 3.57\%$
- $14\ 952.6 - 14\ 450.0 \div 14\ 450.0 \times 100 = 3.48\%$

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menyatakan alasan sama ada Malaysia telah mencapai tingkat guna tenaga penuh dalam tempoh tersebut. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Ya, Malaysia telah mencapai tingkat guna tenaga penuh. Hal ini kerana pada tahun 2016 dan pada tahun 2017, kadar pengangguran kurang daripada 4%.

Sebilangan kecil calon membuat kesilapan semasa menjawab soalan ini. Calon menyatakan Malaysia tidak mencapai guna tenaga penuh kerana kadar pengangguran adalah tinggi.

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan sektor ekonomi yang menjadi penyumbang utama kepada guna tenaga pada tahun 2017. Calon seharusnya memberikan jawapan sektor perkhidmatan.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)